



KENANGAN: Pesara UKM Sabah dan UMS bergambar kenangan selepas majlis itu.

Pesara UKM Sabah, UMS anjur 'reunion' pertama

UB 04.07.2022 P.08

KOTA KINABALU: Majlis reunion mantan staf Universiti Kebangsaan Malaysia Sabah (UKMS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya dilangsungkan buat pertama kalinya di sini baru-baru ini.

Pengerusi pengajur Mat Usup Rasit berkata, pihaknya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua pesara UKMS serta UMS kerana sudi meluangkan masa untuk hadir pada ma-

jlis itu.

Katanya, kebanyakannya pesara yang hadir adalah mantan staf UKM Sabah yang terus berkhidmat dengan UMS pada 1995.

Bagaimanapun beliau berkata, masih ramai yang tidak berkesempatan hadir disebabkan kesuntukan masa.

"Pada majlis reunion kedua nanti, semua pesara berkenaan akan hadir bersama pasangan masing-masing," katanya ketika berucap pada

majlis itu.

Sementara itu, mantan Timbalan Presiden Gabungan Kesatuan Kakitangan Universiti IPTA Malaysia (GAKUM) merangkap Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS) Amat Jutrah Musnih turut memberikan taklimat berhubung pesara yang mengambil insuran Great Eastern Life CUEPACS dan Takaful Kasih 1 CUEPACS.

Katanya, semua peserta boleh menuntut wang simpanan mereka semasa mencarum dalam insuran berkenaan iaitu dengan menghubungi pejabat insuran Great Eastern di Kota Kinabalu manakala Takaful di Seri Kembangan Selangor.

Pada pertemuan itu, pesara mencadangkan agar ditubuhkan Persatuan Pesara UKMS dan UMS untuk memudahkan urusan pada masa hadapan.